

Menteri tetapkan syarat jawatan penting di DBKL

Kuala Lumpur: Jawatan strategik dan kritikal dalam struktur pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dilantik dalam kalangan individu layak, mengambil kira arahan dan garis panduan ditetapkan menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata beliau sendiri yang akan memberi arahan antaranya dari segi menentukan syarat yang perlu dipatuhi bagi melantik individu tertentu bagi mengisi jawatan berkenaan.

Seterusnya, beliau menggariskan beberapa kriteria sebelum melantik individu tertentu untuk jawatan strategik dan kritikal dalam pengurusan DBKL.

Antara syarat yang perlu dipatuhi adalah seorang yang berwibawa, ada merit dan boleh buat kerja.

Kemudian, beliau sendiri yang akan meneliti maklumat berupa latar belakang calon bagi mengisi jawatan mustahak dalam DBKL, selain mendapatkan maklumat tambahan untuk membantuinya membuat keputusan.

"Jawatan strategik memang kita perlu tengok, tetapi saya lebih selesa ambil sikap saya beri arahan dan kita pantau pelaksanaan. Contohnya kalau jawatan A kosong, saya akan bagi tahu Datuk Bandar bahawa jawatan (strategik dan kritikal) itu kena letak orang sepatutnya.

"Selepas itu kita akan senaraikan. Jika saya nampak sekian sekian nama, saya akan memeriksanya dan tanya sama ada kita kena dapatkan beberapa maklumat (terlebih dahulu). Kalau kata kena tangguhkan dulu, kita cari yang lain. Ini contohnya yang saya buat sebagai amalan.

"Maksudnya, saya setuju jawatan itu penting tetapi saya akan bagi arahan untuk individu yang macam mana kita boleh ambil," katanya kepada *BH*.

Baru beberapa bulan dilantik sebagai menteri, Dr Zaliha berkata, berdasarkan pemantauannya setakat ini, individu yang dilantik mengisi jawatan strategik dan kritikal di DBKL tidak menimbulkan masalah.

Pantau prestasi

Namun begitu, beliau menegaskan bahawa prestasi mereka akan sentiasa dipantau rapi antaranya untuk memastikan sama ada mereka boleh atau tidak melaksanakan mandat dan tanggungjawab ketika menyandang jawatan itu.

Untuk menukar pegawai perjawatan yang strategik dan kritikal pula, beliau juga akan mem-

beri arahan.

Sebelum membuat keputusan, beliau akan berpandukan informasi berkaitan seperti aduan dan maklumat daripada unit integriti.

"Setakat ini pendekatan yang saya sambil macam itulah. Kalau kita tengok ada proses, aduan dan sebagainya, kita ada melalui atau merujuk unit integriti dan sebagainya," katanya.

Di bawah terajunya, Dr Zaliha berkata pengurusan tertinggi DBKL membabitkan perjawatan mustahak ada dilakukan rombakan, namun ia cuma dalam skala kecil.

"Ia membabitkan jawatan mustahak. Ada juga amalan kita tukar (individu menggalas jawatan tertinggi) ke bahagian lain. Ada juga rombakan kecil membabitkan pengurusan tertinggi," katanya.